



MAJLIS VETERINAR MALAYSIA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 2000
Faks : 03-8870 6051
Email : secretary@mvc.gov.my
Laman Web : www.mvc.gov.my

Ruj. Kami : DVS.MVM/P/JLD. VII ()
Tarikh : 15 Disember 2021

SEMUA DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR

Tuan/ Puan,

PENGGUNAAN NAMA PENUH DAN NOMBOR PERAKUAN PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA DOKTOR VETERINAR 1974 (AKTA 147) OLEH DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR DI DALAM URUSAN RASMI

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan, semua Doktor Veterinar berdaftar di Malaysia adalah dikehendaki untuk menggunakan **nama penuh dan nombor Perakuan Pendaftaran** di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) di dalam semua urusan rasmi berkuatkuasa **01 Januari 2022**. Ini merangkumi penggunaan cop nama (rubber stamp), kad nama dan emel rasmi yang mengandungi butiran nama penuh beserta nombor pendaftaran di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147). Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan sebarang penyelewangan dan penipuan pihak tidak bertanggungjawab yang boleh mendatangkan pelbagai implikasi negatif.

3. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh diajukan melalui email: mvc@dvs.gov.my atau di talian: 03-8870 2234. Perhatian dan kerjasama Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATUK DR. NORLIZAN BIN MOHD. NOOR)
Presiden
Majlis Veterinar Malaysia